



...LARANG MEROKOK



BULETIN MPSP BIL. 1/2019



PENAUNG

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
(YANG DIPERTUA)**

PENASIHAT

**PUAN Ir HJH ROSNANI BINTI HAJI MAHMUD
(SETIAUSAHA PERBANDARAN)**

KETUA EDITOR

PUAN NORHAYATI BINTI SULAIMAN

EDITOR

**NUR HIDAYAH BINTI MOHD IDRIS
JAWATANKUASA BULETIN MPSP**

JURUGAMBAR

**ENCIK MOHD FAIZ BIN ABDUL HALIM
ENCIK MOHD FAKHREES BIN MOHD ALI**

1. Pelancaran Manual *"Dealing with Construction Permit"* (DCP) Seberang Perai - 11 Januari 2019
Launch of Seberang Perai "Dealing with Construction Permit (DCP)" Manual - 11 January 2019
2. Pelancaran Papan Tanda 'Dilarang Merokok' Di Premis Makanan MPSP Pada 19 Januari 2019 Bertempat di Pasar Awam Kota Permai, Bukit Mertjam
The Launch of "No Smoking" Signboards in MPSP Food Premises on 19th January 2019 at Kora Permai Public Market, Bukit Mertajam
3. Majlis Perasmian Pusat Kompos Restoran De' Pauh Garden Pada 18 Januari 2019 Bertempat Di Restoran De' Pauh Garden, Permatang Pauh
Opening Ceremony of De' Pauh Garden Compost Restaurant Center on 18th January 2019 at De' Pauh Garden Restaurant, Permatang Pauh
4. Pesta Ponggal MPSP 2019
2019 MPSP Ponggal Festival
5. Majlis Pelancaran Pertandingan Kebun Kejiranan 2019 dan Majlis Penyerahan Mesin Kompos *"Economical Food Waste Composter"* (EFC) oleh TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 21 Februari 2019 bertempat di perkarangan lobi Menara MPSP, Bandar Perda
6. Pelancaran *"GRPB Champion Award 2019"* pada 27 Februari 2019
The Launch of the GRPB Champion Award 2019 on February 27, 2019
7. Pelancaran Kad *Recycle for Life* untuk Kakitangan MPSP pada 1 Mac 2019
The Launch of Recycle for Life Card for MPSP Staff on 1st March 2019
8. Majlis Penutup Bengkel *"Sungai Perai 5 - River Trail: A Visioning Workshop"* pada 06 Mac 2019 Bertempat di The Light Hotel, Seberang Jaya
Closing Ceremony of "Sungai Perai 5- River Trail: A Visioning Workshop" on 6th March 2019 Located in The Light Hotel, Seberang Jaya
9. Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2019
Launching Ceremony of 2019 Green School Awards
10. Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia 2019 Peringkat Pulau Pinang
The 2019 World Woman's Day Celebration Ceremony at State Level
11. Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai & Anggota Polis Bantuan MPSP pada 15 Mac 2019 bertempat di Perkarangan Lobi Menara MPSP
Promotion Ceremony of MPSP Officials and Auxiliary Police on 15th March 2019 at MPSP Tower Lobby
12. Program Kumpulan Tumpu Bincang Bagi Cadangan Naiktaraf Landskap di Taman Tunku pada 16 Mac 2019 bertempat di Taman Tunku, Seberang Jaya
Focus Group Discussion Programme for Landscape Upgrading Suggestion at Taman Tunku on 16th March 2019 at Taman Tunku, Seberang Jaya
13. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPSP 2018
MPSP Excellent Service Award for 2018
14. Program MPSP Mesra Pelanggan Siri 1/2019 pada 21 Mac 2019 bertempat di Perkarangan Lobi, Menara MPSP
15. Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi Butterworth *Fringe Festival 2018*
2018 Butterworth Fringe Festival Photography Competition Prize Giving Ceremony
16. Sesi *"Town Hall"* Dialog Bajet MPSP 2020 - 06 April 2019
Town Hall Dialogue Session for MPSP 2020 Budget - 6th April 2019
17. Karnival Kayak Sungai Perai 2019
2019 Sungai Perai Kayak Carnival

18. Pelancaran '*Animal Kingdom In The City*' - 9 April 2019
The Launch of "Animal Kingdom in The City" - 9th April 2019
19. Majlis Pelancaran E - Permainan Pendidikan Hijau Peringkat Sekolah - 13 April 2019
Launching Ceremony of School Green Education E-Game - 13th April 2019
20. Majlis Perasmian "*Penang International Food Festival (PIFF 2019): RM2 Mini Food Festival*" - 17 April 2019
21. Program *Strata Kids* 2019 Sekolah Kebangsaan Jawi - 17 April 2019
2019 Sekolah Kebangsaan Jawi Strata Kids Programme - 17th April 2019
22. Majlis Keraian Sempena Pengiktirafan *Upcycle Park* MPSP Oleh *The Malaysia Book Of Records* pada 19 April 2019 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas
Reception in Conjunction with MPSP Upcycle Park Recognition by The Malaysia Book OF Records on 19th April 2019 at Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas
23. Temasya Alam @ *Butterworth Art Walk* pada 20 April 2019
Nature Tour @ Butterworth Art Walk on 20th April 2019
24. Majlis Cabutan Bertuah Dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Cukai Pintu 2019 - 23 April 2019
Lucky Draw and Prize giving Ceremony in Conjunction with 2019 Door Tax Promotion 2019 - 23th April 2019
25. Majlis Perasmian Pameran 6 Finalis "*BORR Design Idea Competition*" - 24 April 2019
Opening Ceremony of "BORR Design Idea Competition" 6 Finalists Exhibition - 24th April 2019
26. Program Perkongsian Pengalaman Pengumpulan Barangan Kitar Semula Bersama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)
Recycling Experience Sharing Programme with the Village Community Managemant Council (MPKK)
27. Lawatan :
 1. Kunjungan hormat dari *Citynet* ke MPSP pada 25 April 2019
 2. Kunjung hormat dari Zakat Pulau Pinang ke MPSP pada 22 April 2019
 3. Kunjung hormat pegawai dari Pejabat Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang ke MPSP pada 12 April 2019
 4. Lawatan Ihsan dari Syarikat Hino Motors Sales (M) Sdn. Bhd. ke Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 11 April 2019
 5. Kunjung hormat daripada *The Institution of Engineers, Malaysia (Penang Branch)* ke MPSP pada 21 Mac 2019

Pelancaran Manual 'Dealing With Construction Permit' (DCP) Seberang Perai - 11 Januari 2019

Pelancaran Manual DCP Seberang Perai telah disempurnakan oleh YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh (Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan & Perancang Bandar dan Desa). Manual DCP ini merupakan dokumen yang mengandungi panduan bagi proses permohonan kelulusan sesebuah pembangunan. Dalam buku manual ini terdapat 21 prosedur yang telah dipermudahkan dari 55 jumlah prosedur asal tanpa melanggar mana-mana peruntukan undang-undang dan SOP jabatan teknikal untuk menjadi panduan pemaju. Proses penghasilan manual ini melibatkan 27 jabatan luaran dan dalaman MPSP serta mendapat sokongan dan konsultasi KPKT, MPC, CIDB dan Pertubuhan Arkitek Malaysia. Dengan penghasilan Manual DCP Seberang Perai ini, ianya dapat menggalakkan pembangunan di Negeri Pulau Pinang dan sekaligus merangsang ekonomi setempat.



Launch of Seberang Perai "Dealing with Construction Permit (DCP)" Manual – 11 January 2019



The launch of Seberang Perai DCP Manual was completed by YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh (Exco of Housing, Local Government and Town and City Planning). The DCP manual is a document containing guidelines to process application for approval of a development. This book of manual consists 21 procedures, which were simplified from the total 55 procedures without violating any legal provisions and SOP of the technical department to become a guide for developers. The manual production process involves 27 MPSP external and internal departments and has been supported and consulted by KPKT, MPC, CIDB and the Malaysian Architects Association. With the production of this Seberang Perai DCP Manual, it can promote the development in Penang state as well as stimulate the local economy.

Pelancaran Papan Tanda 'Dilarang Merokok' Di Premis Makanan MPSP Pada 19 Januari 2019 Bertempat Di Pasar Awam Kota Permai, Bukit Mertajam

Program ini bertujuan menyahut seruan kerajaan dan mematuhi Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 bertujuan untuk melindungi orang awam dari bahaya asap rokok di bawah Peraturan 11(1)(d) yang melarang orang awam merokok dalam mana-mana tempat makan atau kedai berhawa dingin. Sebanyak 30 buah Pasar Awam dan 66 Kompleks Makanan yang terlibat dengan pemasangan papan tanda ini yang mana papan tanda yang dipamerkan adalah mengikut spesifikasi Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu saiz minimum 40cm x 50cm untuk papan tanda dalam premis, manakala saiz minimum 60cm x 90cm bagi papan tanda di laluan masuk premis. Semoga semua pihak terutama penyewa dan pengunjung premis makanan MPSP dapat mematuhi peraturan yang telah dikuatkuasakan di seluruh Malaysia. Pelancaran program ini telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MPSP. Hadir sama Setiausaha Perbandaran MPSP, Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan para peniaga.



The Launch of "No Smoking" Signboards in MPSP Food Premises on 19th January 2019 at Kota Permai Public Market, Bukit Mertajam



This programme aims to respond to the government's calling to comply with Control of Tobacco Products Regulations 2004 which aimed to protect the public from the dangers of cigarette smoke under Regulation 11(1)(d) regulation which prohibits the public from smoking in any air-conditioned eating places or shops. A total of 30 public markets and 66 food complexes involved with the installation of this signboard where the signboards displayed are in accordance with the Ministry of Health Malaysia's specification where minimum size of 40cm x 50cm for signage within premises, while the minimum size of 60cm x 90cm for signage at entrance to premises. Hopefully, all parties, especially the tenants and visitors of the MPSP food premises can comply with the regulations that have been enforced throughout Malaysia. The launch of the programme was completed by the Yang Dipertua MPSP. Also present were the MPSP Municipal Secretary, councilors, head of departments and businessmen.

Majlis Perasmian Pusat Kompos Restoran De' Pauh Garden Pada 18 Januari 2019 Bertempat Di Restoran De' Pauh Garden, Permatang Pauh



Penubuhan Pusat Kompos Restoran De' Pauh Garden adalah merupakan restoran pertama di Seberang Perai yang menguruskan sisa makanan untuk dijadikan kompos. Sebagai permulaan, pengusaha restoran De' Pauh Garden telah membeli sebanyak 3 unit mesin *Economical Food Waste Composter* (EFWC) bernilai RM9,600 untuk kegunaan mengkompos sisa makanan hasil dari aktiviti perniagaan di situ. Hasil kompos ini akan digunakan untuk kegunaan sendiri dan sekolah-sekolah yang berhampiran. Penubuhan pusat kompos ini merupakan satu usahasama pihak restoran De' Pauh Garden dan MPSP menggunakan pendekatan '*smart partnership*' di mana kerjasama ini dapat memberi kesan positif dalam usaha pemuliharaan alam sekitar.



Opening Ceremony of De' Pauh Garden Compost Restaurant Center on 18th January 2019 at De' Pauh Garden Restaurant, Permatang Pauh



Establishment of the De' Pauh Garden Compost Restaurant Centre is the first restaurant in Seberang Perai that manages waste food to make compost. To start, entrepreneur of De' Pauh Garden Restaurant has bought 3 units of Economical Food Waste Composter (EFWC) machine worth RM9,600 to compost food waste produced from its business activities. The compost will be used for their own and nearby schools. The establishment of the compost center is a joint venture between the De' Pauh Garden Restaurant and MPSP using a smart partnership approach whereby this collaboration will give a positive impact in environmental conservation efforts.



Pesta Ponggal MPSP 2019



Perasmian Pesta Ponggal MPSP 2019 oleh YB Prof. Dr. P. Ramasmy (Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang) bertempat di Rain Garden, Jalan Jeti Lama Butterworth. Hadir sama YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), Ahli Majlis MPSP dan kakitangan MPSP berbangsa Tamil.



2019 MPSP Ponggal Festival

Opening of 2019 MPSP Ponggal Festival was officiated by YB Prof. Dr. P. Ramasmy (Penang Deputy Chief Minister II) at Rain Garden, Jalan Jeti Lama Butterworth. Also present were YBhg. Bato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), MPSP councilors and MPSP Tamil staffs.



**Majlis Pelancaran Pertandingan Kebun Kejiranan 2019
dan Majlis Penyerahan Mesin Kompos
'Economical Food Waste Composter' (EFWC) oleh
TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas,
Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 21 Februari 2019
bertempat di perkarangan lobi Menara MPSP, Bandar Perda.**



Pelancaran GRPB Champion Award 2019 pada 27 Februari 2019

Yang Dipertua MPSP telah melancarkan 'GRPB Champion Award 2019' pada 27 Februari 2019 bertempat di Auditorium MPSP, Bandar Perda. Program ini adalah anjuran bersama antara *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) dan MPSP.

Ia bertujuan untuk membudayakan pelaksanaan GRPB di semua jabatan dalaman MPSP di samping memotivasikan pegawai dalam melaksanakan projek GRPB. Sebanyak 17 jabatan dan 3 unit dalam MPSP terlibat dalam program ini. Setiap jabatan perlu menyediakan projek atau program yang menggunakan mekanisme GRPB. Pemenang akan diumumkan pada November 2019. Dalam majlis yang sama, pihak MPSP turut menyampaikan sumbangan kepada seorang pegawai Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPSP yang menjadi mangsa dalam satu insiden rumah terbakar baru-baru ini.



The Launch of the GRPB Champion Award 2019 on February 27, 2019

The Yang Dipertua MPSP has launched the "GRPB Champion Award 2019" on 27th February 2019 at the MPSP Auditorium, Perda City. This programme is jointly organized by Penang Women's Development Corporation (PWDC) and MPSP.

It aims to cultivate the implementation of GRPB in all MPSP internal departments as well as to motivate officials in implementing the GRPB project. As many as 17 departments and 3 units in MPSP involved in the programme. Each department should provide a project or programme that utilizing the GRPB mechanism. The winners will be announced in November 2019. In the same event, the MPSP also delivered donations to an MPSP Department of Property Assessment and Management officer who was victimized in a recent house fire.



Pelancaran Kad *Recycle For Life* Untuk Kakitangan MPSP pada 1 Mac 2019



Yang Dipertua MPSP telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Kad *Recycle For Life* (RFL) pada 1 Mac 2019 bertempat di Auditorium MPSP. Pelaksanaan program ini adalah kerjasama antara MPSP dengan Syarikat E-Idaman bertujuan untuk menggalakkan amalan kitar semula dan mendidik kakitangan MPSP bahawa barangan kitar semula mempunyai nilai. Bermula Mac 2019, jualan barangan kitar semula di MPSP akan menggunakan kaedah jualan Sistem Kad *Recycle For Life*. Hasil jualan yang dikumpulkan dalam kad ini dan nilai ringgit boleh digunakan untuk membeli barangan di Pasaraya Giant, Kedai KOSPEMA MPSP, Kafeteria MPSP, pembayaran bil air SADA, dan juga pembelian kad pra bayar. Seramai 3539 kakitangan MPSP dan Ahli Majlis telah mendaftar untuk penggunaan kad ini.

The Launch of Recycle for Life Card for MPSP Staff on 1st March 2019

The Yang Dipertua MPSP has completed the Recycle for Life Card (RFL) Launching Ceremony on 1st March 2019 at the MPSP Auditorium. The implementation of this programme is a collaboration between MPSP and E-Idaman Company aiming to promote the practice of recycling and educating MPSP staff on the value of recycling items. Starting March 2019, sales of recyclables in MPSP will be carry out using the Recycle for Life Card System sales method. Revenue will be collected in this card and the cash value can be used to purchase goods at Giant Department Store, KPSPEMA MPSP Store, MPSP cafeteria, SADA water bill payment, and prepaid card purchase. A total of 3539 MPSP staff and counsilors have registered for the use of this card.



Majlis Penutup Bengkel “Sungai Perai 5-River Trail: A Visioning Workshop” Pada 6 Mac 2019 Bertempat Di The Light Hotel, Seberang Jaya



Penganjuran bengkel adalah selaras dalam merealisasikan Laluan Berbasikal 5-Rivers Trail merentasi lima (5) sungai iaitu Sungai Jarak, Sungai Kulim, Sungai Air Itam, Sungai Perai dan Sungai Mati sejauh 13km. Ianya adalah selari dengan pembangunan Sungai Perai yang lestari selaras dengan visi Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi.

Majlis Penutup telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai di The Light Hotel Seberang Jaya.



Closing Ceremony of "Sungai Perai 5-River Trail: A Visioning Workshop" on 6th March 2019 Located in The Light Hotel, Seberang Jaya



The workshop was organised in accordance with the realization of 5-Rivers Trail Cycling Path across five (5) rivers, namely Sungai Jarak, Sungai Kulim, Sungai Air Itam, Sungai Perai and Sungai Mati as far as 13km. It is parallel with the sustainable Sungai Perai development and in accordance with the vision of of Seberang Perai as a Resilient, Inclusive, Green, Competitive, Competitive and Technology-Driven Smart City.

The closing ceremony was completed by YBhg Dato' Yang Dipertua of Seberang Perai Municipal Council at The Light Hotel, Seberang Jaya.

Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2019

Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2019 telah disempurnakan oleh YBrs. Ir Hj Rosnani Binti Haji Mahmod, Setiausaha Perbandaran MPSP pada 7 Mac 2019 bertempat di Dewan SMK Guar Perahu. Anugerah Sekolah Hijau ini adalah program kerjasama antara MPSP dengan Syarikat *Continental Automotive Malaysia Sdn. Bhd.* bertujuan untuk menerapkan pendidikan alam sekitar kepada pelajar dalam membina generasi yang mampu menjaga alam sekitar untuk masa hadapan.



Sekolah yang menyertai anugerah ini akan dinilai mengikut beberapa kriteria yang telah ditetapkan iaitu Kecekapan Persembahan Sumber Asli, Kebersihan dan Penghijauan, Program Inovasi dan Kreativiti, Penglibatan Komuniti dan Persembahan. Dalam majlis yang sama, turut diadakan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan mencipta logo sekolah hijau 2019. Tetamu jemputan turut dibawa melawat kawasan sekolah dan beberapa projek yang dihasilkan oleh pelajar.

Launching Ceremony of 2019 Green School Awards

The launching ceremony of 2019 Green Schools Award completed by YBrs. Ir Hj Rosnani binti Haji Mahmod, MPSP Municipal Secretary on 7th March 2019 at SMK Guar Perahu Hall. The Green School Award is a collaborative programme between MPSP and the Continental Automotive Malaysia Sdn. Bhd. aiming to instil environmental education to students in building a generation that able to safeguard the environment for the future.

The participating schools will be judged according to criteria set out, namely Efficiency of Natural Resources, Hygiene and Greening, Innovation and Creativity Programmes, Community Engagement and Performance. In the same event, a prize giving ceremony was held for the winners of 2019 green school logo creating contest. The guests were also invited to visit the school area and several projects produced by the students.



Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang



Majlis Sambutan Hari Wanita Sedunia 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang telah pada 8 Mac 2019 bertempat di SP Arena, Seberang Jaya. Majlis perasmian disempurnakan oleh Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor binti Shariff. Hadir sama ke majlis ini YB Puan Hjh Zuraida Binti Kamarudin (Menteri KPKT).



The 2019 World Women's Day Celebration Ceremony at State Level



The 2019 World Women's Day Celebration Ceremony was held on 8th March 2019 at SP Arena, Seberang Jaya. The opening ceremony was completed by Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor binti Shariff. Also present at the event was YB Puan Hjh Zuraida binti Kamarudin (Minister of KPKT).

Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai & Anggota Polis Bantuan MPSP pada 15 Mac 2019 bertempat di Perkarangan Lobi Menara MPSP.

Seramai 14 orang anggota dan pegawai lain-lain pangkat Polis Bantuan MPSP telah menerima kenaikan pangkat yang terdiri daripada seorang Penolong Penguasa Polis, seorang Inspektor, seorang Sarjan Major, empat orang Sarjan, empat orang Koperal dan tiga orang Lans Koperal. Upacara pemakaian pangkat telah disempurnakan oleh YDH DCP Dato' Roslee Bin Chik, Timbalan Ketua Polis Negeri Pulau Pinang. Majlis ini secara langsung dapat memberi imej baru kepada anggota Polis Bantuan MPSP serta menyuntik semangat kerjasama antara MPSP dan pihak PDRM secara amnya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima!



Promotion Ceremony of MPSP Officials and Auxiliary Police on 15th March 2019 at MPSP Tower Lobby



A total of 14 members and other officers of MPSP Auxiliary Polices have received promotions. The promotion includes an Assistant Superintendent of Police, an Inspector, a Major Sergeant, four Sergeants, four Corporals and three Lance Corporals. The promotion ceremony was completed by YDH DCP Dato' Roslee bin Chik, Deputy Chief of Penang State Police. The event will be able to provide a facelift to MPSP Auxiliary Police officers and to inject the spirit of cooperation between MPSP and PDRM in general. Well done and congratulations to all recipients!



Program Kumpulan Tumpu Bincang Bagi Cadangan Naiktaraf Landskap di Taman Tunku pada 16 Mac 2019 bertempat di Taman Tunku, Seberang Jaya.

Program ini bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas daripada penduduk sekitar Seberang Jaya berhubung projek naiktaraf landskap di Taman Tunku yang akan dijalankan melalui melalui konsep *Gender Responsive Participatory Budgeting* (GRPBB).

Program ini adalah kerjasama strategik antara Penang *Women's Development Corporation* (PWDC), Pejabat Adun Seberang Jaya, *Uda Land (North) Sdn. Bhd.*, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan MPSP. Ia terbahagi mengikut pecahan kumpulan iaitu kanak-kanak, remaja, dewasa, warga emas dan OKU. Antara peserta yang terlibat dalam program ini adalah pelajar-pelajar dari Politeknik Seberang Perai, UiTM Permatang Pauh, Kolej MARA, SMK Bandar Baru Perda, SMK Seberang Jaya, SMK Tun Hussein Onn dan penduduk setempat. Kos bagi projek naiktaraf landskap ini bernilai RM400,000.00 dan mendapat tajaan sepenuhnya dari *Uda Land (North) Sdn. Bhd.* Ia akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti tempat meletak kenderaan, lampu, dataran kejut, Outdoor Gym, laluan pejalan kaki serta tandas awam.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dr. Afif Bin Bahardin, Adun Seberang Jaya merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan. Hadir sama Ahli Majlis MPSP, Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP, pegawai Jabatan Landskap MPSP dan wakil dari *Open University Malaysia*.



Focus Group Discussion Programme for Landscape Upgrading Suggestion at Taman Tunku on 16th March 2019 at Taman Tunku, Seberang Jaya.



The programme aims to obtain feedback from residents around Seberang Jaya regarding the landscape upgrading project at Taman Tunku which will be implemented through the Gender Responsive Participatory Budgeting (GRPBB) concept.

It is a strategic partnership programme between Penang Women's Development Corporation (PWDC), Seberang Jaya assemblyman office, Uda Land (North) Sdn. Bhd., Village Community Management Council (MPKK) and MPSP. It is divided into groups of children, adolescents, adults, senior citizens and the disabled. Participants involved in the program were students from Seberang Perai Polytechnic, UiTM Permatang Pauh, MARA College, SMK Bandar Baru Perda, SMK Seberang Jaya, SMK Tun Hussein Onn and local resident. The cost for this landscape upgrading project is worth RM400,000.00 and is fully sponsored by Uda Land (North) Sdn. Bhd. It will be equipped with various facilities such as parking lots, lighting, squares, outdoor gym, pedestrian walkway and public toilets.

The opening ceremony was completed by YB Dr. Afif bin Bahardin, Seberang Jaya assemblyman and Chairman of Committee of Agriculture and Agro-based Industry, Rural Development and Health. Also present were MPSP councilors, MPSP Municipal Secretary, MPSP Landscape Officer and representatives from Malaysia Open University.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPSP 2018



Seramai 232 kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2018 yang diadakan pada 19 Mac 2019 bertempat di Sunway Hotel, Seberang Jaya. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud, Yang Dipertua MPSP. Hadir sama Ahli Majlis MPSP, Tuan Setiausaha Perbandaran, Ketua Jabatan dan para kakitangan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima!



MPSP Excellent Service Award for 2018



A total of 232 Seberang Perai Municipal Council staff received the Excellent Service Award for 2018, which was held on 19 March 2019 at Sunway Hotel, Seberang Jaya. The opening ceremony was officiated by YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP). Also present were MPSP councillors, Municipal Secretary, heads of departments and staff. Well done and congratulations to all recipients!



Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi Butterworth *Fringe Festival* 2018



Pertandingan Fotografi Butterworth *Fringe Festival* (BFF) 2018 telah diadakan sepanjang 2 hari festival berlangsung pada 1 dan 2 Disember 2018. Butterworth *Fringe Festival* (BFF) 2018 adalah anjuran bersama Majlis Perbandaran Seberang Perai, *Think City Sdn Bhd* dan dengan kendalian kurator *TLM Event Sdn Bhd* telah mendapat sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun keempat.

Objektif utama Pertandingan Fotografi BFF 2018 adalah untuk memberi peluang kepada komuniti Seberang Perai khususnya berkarya melalui fotografi sepanjang 2 hari festival berlangsung.

Tema pertandingan adalah *BFF At A Glance* yang mana peserta akan berpeluang untuk menerokai dan menghayati setiap pengisian dan aktiviti di festival bertaraf antarabangsa ini.

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Pertandingan Fotografi Butterworth Fringe Festival (BFF) 2018 :

Hadiah Tempat Pertama

Wang Tunai RM 1,200.00
Thum Chen Zheng

Hadiah Tempat Ketiga

Wang Tunai RM 500.00
Goh Yong Hooi

Hadiah Saguhati

Wang Tunai RM 100 X 5 Pemenang
Chua Boon Keat
Goh Boon Keat
Lee Siau Poh
Andrew Tan Wee Keng
Ahmad Adil Bin Muhamad

Hadiah Tempat Kedua

Wang Tunai RM 800.00
Lim Lean Eng



Program MPSP Mesra Pelanggan Siri 1/2019
pada 21 Mac 2019 bertempat di Perkarangan Lobi,
Menara MPSP



2018 Butterworth Fringe Festival Photography Competition Prize Giving Ceremony



The 2018 Butterworth Fringe Festival (BFF) 2018 Photography Competition was held during the 2-day festival on 1st and 2nd December 2018. The Butterworth Fringe Festival (BFF) 2018 was jointly organized by the Seberang Perai Municipal Council, Think City Sdn Bhd and was curated by TLM Event Sdn Bhd. The event has been fully supported by the Penang State Government for the fourth year.

The main objective of the 2018 BFF Photography Competition is to provide opportunities for the Seberang Perai community to work via photography during the 2 days of the festival.

The competition theme is "BFF at A Glance" where participants have had the opportunity to explore and appreciate every filling and activities at this international festival.

First Prize

RM1,200.00 cash prize
Thum Chen Zheng

Thirs Prize

RM500.00 cash prize
Goh Yong Hooi

Consolation Prizes

RM100 cash prize X 5 Winners
Chua Boon Keat
Goh Boon Keat
Lee Siau Poh
Andrew Tan Wee Keng
Ahmad Adil bin Muhamad

Second Prize

RM800.00 cash prize
Lim Lean Eng



Sesi Town Hall Dialog Bajet MPSP 2020 – 6 April 2019

Sesi Town Hall Dialog Bajet MPSP 2020 diadakan bertujuan untuk melibatkan komuniti dan penduduk Seberang Perai dalam merangka strategi Bajet 2020 dengan memberi input dan pandangan dalam penambahbaikan perkhidmatan MPSP di samping menggalakkan penyertaan komuniti dalam tadbir urus MPSP.



Tema Bajet 2020 adalah 'Kehijauan, Kebahagiaan dan Kemakmuran Seberang Perai' menjadi aspirasi oleh penduduk yang berbilang bangsa, umur, jantina, belia, warga emas dan orang kurang upaya untuk tahun 2020. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh (Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancang Bandar & Desa). Hadir sama Yang Dipertua MPSP, ADUN, pegawai dari Bahagian Kerajaan Tempatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli Majlis MPSP, Majlis Perwakilan Komuniti Kampung (MPKK), wakil-wakil komuniti dan NGO.



Town Hall Dialogue Session for MPSP 2020 Budget – 6th April 2019



MPSP 2020 Budget Dialogue Session is aimed at involving Seberang Perai communities in drafting the 2020 Budget strategy by providing inputs and insights into the enhancement of MPSP services as well as encouraging community participation in MPSP governance.

The 2020 Budget theme is 'Rejuvenation, Happiness and Prosperity' as aspired by residents of multiracial, ages, genders, youth, senior citizens and people with disabilities for the year 2020. The opening ceremony was completed by YB Tuan Jagdeep Singh Deo A / L Karpal Singh (Exco of Housing, Local Government and Town and City Planning). Also present were Yang Dipertua MPSP, assemblyman, officers from Penang Local Government, MPSP councilors, Village Community Management Council (MPKK), community representatives and NGOs.

Karnival Kayak Sungai Perai 2019



Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Pengairan dan Saliran, *Think City Sdn Bhd* dan *Zart Eventive Enterprise* telah menganjurkan Karnival Kayak Sungai Perai Bersempena *International Day of Action for Rivers* pada 7 April 2019 (Ahad) di Taman Rekreasi Awam Sembilang, Seberang Jaya. Karnival ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dr.Afif bin Bahardin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.



2019 Sungai Perai Kayak Carnival



Seberang Perai Municipal Council (MPSP) in collaboration with the Penang State Government, Irrigation and Drainage Department, *Think City Sdn Bhd* and *Zart Eventive Enterprise* has organized the Sungai Perai Kayak Carnival in conjunction with the *International Day of Action for Rivers* on 7th April 2019 (Sunday), at Awam Sembilang Recreation Park, Seberang Jaya. The carnival was completed by the Yang Berhormat Dr..Afif bin Bahardin, member of the Penang State Government Council cum Chairman of the Penang state Agriculture & Agro-Based Industry, Rural Development and Health Committee.



Pelancaran "Animal Kingdom In The City" - 9 April 2019




Majlis Pelancaran "Animal Kingdom In The City" oleh YB Yeoh Soon Hin (Exco Pembangunan Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan) pada 9 April 2019 bertempat di Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth. Program ini adalah bersempena *Penang Arts Week* 2019 yang telah dilancarkan pada 31 Mac 2019 di Padang Kota Lama Pulau Pinang. Sebanyak 18 reka bentuk replika hidupan liar dipamerkan di padang Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth mulai 9 April sehingga 21 April 2019. Program ini secara langsung dapat menjadi daya tarikan pelancong yang datang ke Seberang Perai. Turut hadir dalam majlis ini adalah Yang Dipertua MPSP, Ahli Majlis MPSP, Pengarah Muzium Pulau Pinang, CEO Penang Global Tourism, Timbalan Pengerusi Persatuan Hotel Malaysia Negeri Pulau Pinang, para pegawai MPSP dan penduduk tempatan.



The launch of "Animal Kingdom in The City" – 9th April 2019



"Animal Kingdom in The City" was launched by YB Yeoh Soon Hin (Exco of Tourism, Arts, Culture and Heritage Development) on 9th April 2019 at the Merdeka Youth Square, Butterworth. The programme is held in conjunction with 2019 Penang Arts Week which was launched on 31st March 2019 at Penang Esplanade. A total of 18 wildlife replicas were on display at the Dataran Merdeka Square, Butterworth from 9th to 21st April 2019. The programme directly became an attraction for tourists who came to Seberang Perai. Also present at the event were Yang Dipertua MPSP, MPSP councilors, Director of Penang Museum, CEO of Penang Global Tourism, Vice Chairman of Penang Hotel Association, MPSP officials and local residents.



Majlis Pelancaran E - Permainan Pendidikan Hijau Peringkat Sekolah - 13 April 2019

Pelancaran e-Permainan Pendidikan Hijau Peringkat Sekolah telah dilancarkan pada 13 April 2019 bertempat di Auditorium MPSP. Majlis pelancaran telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud, Yang Dipertua MPSP. Program e-Permainan Pendidikan Hijau ini adalah hasil kerjasama pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan MPSP dan merupakan satu alat permainan pendidikan berbentuk digital (*Digital Education Tools*) yang dikenali sebagai Edutainment. Terdapat 3 jenis permainan dalam e-Permainan Pendidikan Hijau ini iaitu *Compost Hero*, *Rubbish War*, dan *Ocean Pollution*. Program ini juga merupakan salah satu daripada aktiviti kempen kesedaran bagi menggalakkan kanak-kanak dan orang dewasa peka terhadap isu-isu alam sekitar.



Launching Ceremony of School Green Education E-Game – 13th April 2019



The School Level Green Education E-Games was launched on 13th April 2019 at the MPSP Auditorium. The launching ceremony was completed by YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud, Yang Dipertua MPSP. This Green Education e-Games programme is the result of collaboration between Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) and MPSP and it is a digital educational tool named Edutainment. There are 3 types of games in this Green Education e-Games namely Compost Hero, Rubbish War, and Ocean Pollution. The programme is also one of the awareness campaign activities to encourage children and adults to be sensitive towards environmental issues.

Majlis Perasmian "Penang International Food Festival (PIFF 2019): RM2 Mini Food Festival" - 17 April 2019



Program Strata Kids 2019 Sekolah Kebangsaan Jawi - 17 April 2019

Program Strata Kids 2019 Sekolah Kebangsaan Jawi (Sekolah Berprestasi Tinggi) diadakan pada 17 April 2019. Program ini adalah kerjasama antara MPSP dengan Sekolah Kebangsaan Jawi dan bertujuan untuk memberi pemahaman tentang komuniti berstrata dan sistem hak milik strata kepada pelajar sekolah sebagai pendedahan awal. Seramai 250 orang murid tahap II (Tahun 4 dan 5) serta guru telah menyertai program ini. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Encik Rozmi Bin Ahmad, Ketua Unit Pengurusan Kualiti Pejabat Pendidikan Daerah SPS.



2019 Sekolah Kebangsaan Jawi Strata Kids Programme – 17th April 2019

2019 Strata Kids Programme of Sekolah Kebangsaan Jawi (High Performance School) was held on 17th April 2019. The programme is a collaboration between MPSP and Sekolah Kebangsaan Jawi, aiming to allow students understand about stratified communities and strata ownership systems by providing early exposure. A total of 250 Phase II students (Years 4 and 5) and teachers participated in the programme. The opening ceremony was completed by Encik Rozmi bin Ahmad, Head of Quality Management Unit of the SPS District Education Office.



Majlis Keraian Sempena Pengiktirafan *Upcycle Park* MPSP Oleh *The Malaysia Book Of Records* Pada 19 April 2019 Bertempat Di Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas.


Majlis ini bertujuan untuk meraikan para pegawai dan 'Wira Oren' MPSP dalam menjayakan *Upcycle Park* yang telah mendapat pengiktirafan sebagai sebuah Taman *Upcycle* yang pertama di Malaysia. Hadir sama bagi meraikan majlis ini adalah Setiausaha Perbandaran, para pegawai serta kakitangan MPSP.



Reception in Conjunction with MPSP Upcycle Park Recognition by The Malaysia Book Of Records on 19th April 2019 at Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas.



The event aimed to celebrate MPSP officers and 'Orange Hero' in the success of Upcycle Park being recognized as the first Upcycle Park in Malaysia. Also present was the Municipal Secretary, MPSP officers and staff.



Temasya Alam @ Butterworth Art Walk pada 20 April 2019



Program ini adalah bersempena sambutan Hari Bumi Sedunia yang disambut pada 22 April setiap tahun. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan. YB Satees A/L Muniandy, Adun Bagan dalam turut hadir bagi memeriahkan lagi program ini.



Nature Tour @ Butterworth Art Walk on 20th April 2019



The programme was held in conjunction with the World Earth Day celebrations celebrated on 22nd April annually. Various interesting activities were held. YB Satees A / L Muniandy, Bagan assemblyman attended and enlivened this programme.


Majlis Perasmian Pameran 6 Finalis "BORR Design Idea Competition" - 24 April 2019



Majlis perasmian Pameran 6 Finalis "BORR Design Idea Competition" telah diadakan pada 24 April 2019 bertempat di Penang Sentral, Butterworth. Program ini adalah kolaborasi antara MPSP, Think City dan Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM) dan mendapat disokong oleh Malaysian Institute of Planners (MIP), Penang Sentral, Pertubuhan Arkitek Malaysia, Pejabat Tanah dan Galian SPU, Lembaga Lebuhraya Malaysia, MRCB Properties, HP DesignJet dan Jabatan Landskap Negara. Pertandingan ini bermula pada 5 November 2018 dengan mendapat sebanyak 157 penyertaan dari seluruh negara dan sebanyak 6 peserta telah disenarai pendek oleh para juri. Objektif utama pertandingan ini adalah untuk memupuk pemikiran kreatif di kalangan masyarakat di samping menggalakkan rekabentuk idea yang memenuhi keperluan komuniti dan menggalakkan kegunaan tanah terbiar untuk kegunaan awam. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Ir Hj Rosnani Binti Haji Mahmod, Setiausaha Perbandaran MPSP. Hadir sama Ahli Majlis MPSP, Encik Murali Ram (Pegarah Urusan Think City), Encik Raymond Cheah (CEO Properties Division MRCB) dan Encik Charles Teo (Wakil Institute of Landscape Architects Malaysia).

Opening Ceremony of "BORR Design Idea Competition" 6 Finalists Exhibition – 24th April 2019

Opening Ceremony of the 6-finalist exhibition for "BORR Design Idea Competition" was held on 24th April 2019 at Penang Sentral, Butterworth. The programme is a collaboration between MPSP, Think City and the Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM) and is supported by the Malaysian Institute of Planners (MIP), Penang Sentral, the Malaysian Architects Association, SPU Land and Mines Office, Malaysian Highway Authority, MRCB Properties, HP DesignJet and the National Landscape Department. The competition began on 5th November 2018 with 157 entries from all over the country and 6 participants were shortlisted by the judges. The main objective of the competition is to foster creative thinking among the community as well as to promote the design of ideas that meet the needs of the community as well as to promote the use of idle land for public use. The opening ceremony was completed by YBrs. Ir Hj Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary). Also present were MPSP councillor, Mr. Murali Ram (Think City Managing Director), Mr. Raymond Cheah (CEO Properties Division MRCB) and Mr. Charles Teo (Representative of Institute of Landscape Architects Malaysia).



Majlis Cabutan Bertuah Dan Penyampaian Hadiah Sempena Promosi Cukai Pintu 2019 - 23 April 2019



Majlis Cabutan Bertuah Dan Penyampaian Hadiah Promosi Cukai Pintu 2019 diadakan pada 23 April 2019 bertempat di ruang lobi Menara MPSP, Bandar Perda. Sebanyak 75 hadiah telah diberikan kepada para pemenang yang telah dipilih melalui proses cabutan yang diadakan pada bulan Mac 2019. Hadiah telah disampaikan oleh Yang Dipertua MPSP dan Ahli Majlis. Tahniah kepada semua pemenang yang telah berjaya!

Lucky Draw and Prize Giving Ceremony in Conjunction with 2019 Door Tax Promotion 2019 – 23rd April 2019



The 2019 Lucky Draw and Door Tax Promotion Prize Giving Ceremony was held on 23rd April 2019 at the lobby of MPSP Tower, Bandar Perda. A total of 75 prizes were given to winners who were chosen through the drawing process held in March 2019. The prizes were presented by the Yang Dipertua MPSP and councilors. Congratulations to all the winners who have succeeded!



Program Perkongsian Pengalaman Pengumpulan Barangan Kitar Semula Bersama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)

Program Perkongsian Pengalaman Pengumpulan Barangan Kitar Semula Bersama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) telah diadakan pada 27 April 2019 bertempat di Auditorium MPSP, Bandar Perda. Seramai 70 wakil MPKK telah hadir bagi mendengar sesi taklimat dan perkongsian pengalaman dalam aktiviti kitar semula. Taklimat telah diberikan oleh Pegawai Unit Eko Komuniti MPSP serta wakil penggiat kitar semula. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Encik Tan Chee Teong, Ahli Majlis MPSP. Hadir sama, pegawai dari Unit Eko Komuniti MPSP dan barisan Ahli Majlis MPSP.



Recycling Experience Sharing Programme with the Village Community Management Council (MPKK)

The Recycling Experience Sharing Programme with the Village Community Management Council (MPKK) was held on 27th April 2019 at the MPSP Auditorium, Perda City. A total of 70 MPKK representatives attended to listen to briefings and sharing experiences in recycling activities. The briefing was given by the MPSP Community Eco Unit Official and the representative of recycling activist. The opening ceremony was completed by Mr Tan Chee Teong, MPSP councilor. Also present were officials from the MPSP Community Eco Unit and MPSP councilors.



Lawatan


1. Kunjungan hormat dari *Citynet* ke MPSP pada 25 April 2019



2. Kunjungan hormat dari Zakat Pulau Pinang ke MPSP pada 22 April 2019



3. Kunjungan hormat pegawai dari Pejabat Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang ke MPSP pada 12 April 2019



4. Lawatan Ihsan dari Syarikat Hino Motors Sales (M) Sdn. Bhd. ke Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 11 April 2019



5. Kunjung hormat daripada *The Institution of Engineers, Malaysia (Penang Branch)* ke MPSP pada 21 Mac 2019





Menara MPSP
Jalan Perda Utama, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.



04 - 549 7555



04 - 538 9700



www.mpsp.gov.my